

# Kekalkan kestabilan

Ⓟ

U.M 22 JUL 1993

POH 21 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamed menggesa seluruh lapisan rakyat supaya mengekalkan kestabilan politik dan pemerintahan yang adil di negara ini demi masa depan Malaysia yang lebih gemilang.

Perdana Menteri berkata, tanpa kestabilan politik dan pemerintahan yang adil, negara akan menghadapi kesukaran untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan, khususnya Wawasan 2020.

Berucap pada majlis jamuan makan malam yang diadakan oleh Kerajaan Negeri Perak sempena lawatan rasmi beliau ke negeri ini, Dr. Mahathir berkata, rak-

yat Malaysia sekarang tidak boleh memikirkan diri sendiri semata-mata.

"Kita kena fikirkan tentang negara dan anak cucu kita pada masa depan. Jika kita tidak sediakan negara ini asas-asas untuk mencapai tahap negara maju, matlamat yang ditetapkan selama ini tidak akan tercapai," katanya.

Lebih 500 orang pemimpin politik, pertubuhan kaum dan perniagaan negeri ini menghadiri majlis jamuan yang diadakan di Dewan Bandaran Ipoh. Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib juga hadir pada majlis bersama isterinya.

Hadir sama ialah Menteri Penerangan, Dato' Mohamed Rahmat dan

Menteri Perusahaan Utama, Dato' Sri Dr. Lim Keng Yaik.

Menurut Dr. Mahathir, rakyat perlu sentiasa sedar bahawa kejayaan yang Malaysia capai sekarang akan terhapus jika mereka melakukan tindakan-tindakan yang boleh merosakkan negara.

Beliau berkata, bagi menjamin kejayaan ini berterusan, "rakyat tidak harus menimbulkan masalah pada keadaan yang sudah sedia baik."

Perdana Menteri menegaskan, rakyat tanpa mengira kaum tidak boleh leka dalam usaha mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara contoh di dunia.

"Setiap kejayaan yang

kita kecap sekarang akan hilang jika kita tidak memperingati diri sendiri dan sentiasa merendah diri atas pencapaian negara selama ini," kata Dr. Mahathir.

Sejarah dunia, kata beliau, telah menunjukkan kejatuhan banyak empayar dan negara besar di Barat semata-mata akibat kelekakan kerajaan dan rakyatnya.

Beliau berkata, negara Barat sudah melupakan asas dan nilai-nilai murni yang membawa kejayaan kepada tamadun mereka, dan kesilapan ini tidak harus diulangi oleh rakyat Malaysia.

Sementara itu, Menteri Besar, Ramli Ngah Talib yang menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis

Jamuan itu berkata, Perak akan lebih berjaya sebagai sebuah negeri industri

jika mendapat sokongan rakyat khususnya dalam menentukan politik negeri terus stabil.

Terdahulu, lebih 3,000 orang menyambut ketibaan Dr. Mahathir di lapangan

terbang di sini hari ini untuk memulakan lawatan rasmi dua hari ke Perak.

politik - PM